

Headline **Prostar mahu tarik lebih ramai ahli**
Date **22 Dec 2009**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **P18**
Article Size **53 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **212**
PRValue **636**



Prostar mahu tarik lebih ramai ahli

Kelab Program Sihat Tanpa Aids Untuk Remaja (Prostar) Daerah Rompin yang ditubuhkan pada 1996 sehingga kini mempunyai 2,000 ahli yang terdiri daripada remaja berusia antara 17 hingga 25 tahun. Penyelaras Prostar Daerah Rompin, Mohd Faizal Mohd Nor berkata, bagaimanapun sejak dua tahun kebelakangan ini, kelab itu kurang aktif dalam menjalankan pelbagai program dan aktiviti kepada ahlinya. Prostar di daerah itu menyasarkan seramai 1,000 ahli pada tahun depan bagi

memastikan kelab itu menjadi wadah atau medium terbaik bagi mereka yang mahu menjalani gaya hidup sihat. Keahlian kelab itu lebih memberi tumpuan kepada golongan remaja kerana golongan itulah yang ramai terlibat dengan penagihan dadah dan pergaulan bebas. Kelab Prostar dirangka untuk meningkatkan kesedaran golongan remaja mengenai bahaya HIV dan Aids serta seterusnya mengurangkan kemungkinan bertambahnya gejala itu di negara ini.